

ANALISIS AMALAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI BUKAN LISAN DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB MELALUI MEDIUM YOUTUBE

Noor Shamshinar binti Zakaria
Nor Azhan bin Norul'Azmi
shamshinar@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Penguasaan terhadap kemahiran komunikasi merupakan syarat mutlak bagi membantu guru menjalankan tugas dengan berkesan dan secara profesional. Kepentingan kemahiran ini kerana ia berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan supaya murid dapat mempelajari dan menguasai ilmu yang disampaikan dengan baik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauhmana amalan komunikasi bukan lisan (KBL) dalam kalangan guru Bahasa Arab ketika melaksanakan pengajaran bahasa tersebut. Sampel kajian ini terdiri daripada tiga orang guru Bahasa Arab yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab untuk murid tahap 1. Metodologi yang digunakan adalah kualitatif, iaitu kaedah analisis rakaman pengajaran guru Bahasa Arab dalam bilik darjah menerusi medium YOUTUBE. Dapatan kajian menunjukkan guru Bahasa Arab masih kurang mengamalkan kemahiran KBL ketika proses pengajaran berlangsung. Elemen KBL seperti *kinesik*, *kronemik*, *haptik*, *ekspresi muka*, *okulesik*, *proksemik* dan *paralinguistik* tidak dapat ditonjolkan dengan baik semasa menyampaikan isi pengajaran kepada murid. Hanya aspek penampilan fizikal guru yang menunjukkan guru mengamalkan gaya penampilan diri yang baik seperti pakaian yang sesuai dan tampak kemas. Dapatan kajian memberi implikasi bahawa KBL perlu dikuasai oleh guru Bahasa Arab dan mesti diterapkan semasa pelaksanaan pengajaran dalam bilik darjah bagi menghasilkan pengajaran Bahasa Arab yang berkesan. Kompetensi guru dalam pengajaran Bahasa Arab dapat dipertingkatkan dan memberi implikasi positif kepada minat dan pencapaian murid dalam Bahasa Arab. Justeru, adalah dicadangkan bahawa satu kursus spesifik tentang KBL perlu dikendalikan terhadap guru dalam program pendidikan guru atau LADAP bagi menghadapi cabaran dalam pengajaran Bahasa Arab.

Kata kunci : Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan, , guru Bahasa Arab, amalan KBL dalam pengajaran Bahasa Arab

1.0 PENGENALAN

Kemahiran komunikasi merupakan salah satu elemen kemahiran mengajar yang perlu dikuasai oleh guru dengan baik ketika proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Penguasaan terhadap kemahiran komunikasi ini merupakan syarat mutlak bagi membantu guru menjalankan tugas dengan berkesan serta secara profesional. Kepentingan kemahiran ini kerana ia berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan supaya murid dapat mempelajari dan menguasai ilmu yang disampaikan dengan baik. Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1999) menegaskan pengajaran guru dianggap sebagai aktiviti berkomunikasi kerana ia

meliputi perhubungan dan interaksi antara guru dan murid. Proses penyebaran ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu supaya murid dapat mempelajari dan menguasainya dengan berkesan adalah satu aktiviti pengajaran yang berkaitan dengan kemahiran berkomunikasi. Menurut Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang (2014) pula, salah satu aspek kemahiran ketika mengajar ialah kemahiran komunikasi yang merupakan suatu elemen penting yang harus ada dan dikuasai oleh setiap guru. Kesediaan guru terhadap penguasaan kemahiran komunikasi ini perlu sama ada bagi memenuhi keperluan mereka ketika proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mahupun dalam interaksi sosial.

Mushir Ahmad (2016) turut menegaskan keupayaan guru untuk memupuk rasa ingin belajar dalam diri pelajar boleh menyebabkan pelajar lebih berminat dan tertarik untuk mengikuti pengajaran guru. Malah, Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin (2017) turut menyatakan komunikasi dan interaksi dalam pengajaran seorang guru penting dalam usaha mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Melalui kemahiran komunikasi yang berkesan, guru dapat menarik minat murid terhadap pelajaran kerana mereka akan berasa jalinan interaksi dua hala dan keperihatinan guru. Guru yang pandai berkomunikasi akan dapat mewujudkan suasana bilik darjah yang riang, tenang, dan mencerikan. Guru yang dapat melaksanakan PdPc dengan berkesan sudah pasti dapat mewujudkan suasana bilik darjah yang selesa dan menimbulkan rasa seronok kepada murid untuk menimba ilmu. Justeru, kepentingan kemahiran komunikasi ini telah menjadi elemen yang tidak dapat tidak perlu dilaksanakan dalam bilik darjah bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan dan mewujudkan interaktif antara guru dengan murid.

KBL ialah satu bentuk komunikasi yang mesejnya diambil daripada tingkah laku anggota badan dan gerak isyarat. Ia juga dirujuk sebagai bahasa badan iaitu bahasa perlakuan yang disampaikan melalui gerak badan, isyarat, jarak, prosodi atau nada suara, ekspresi dan orientasi wajah, postur, sentuhan, bau dan aspek ujaran lisan (*paralinguistic*) yang mempunyai maksud selain daripada apa yang dituturkan (Kendon, 1981). Manakala menurut Al-Arini (2011), KBL sebagai semua tingkah laku yang dihasilkan oleh tubuh manusia sama ada yang disengajakan atau tidak, yang dihasilkan secara fitrah semula jadi atau dipelajari seperti pergerakan, anggukan, isyarat, perubahan riak wajah, penampilan imej, ragam dan perubahan nada suara yang boleh diterjemahkan sebagai mesej antara pengirim dengan penerima. Para pengkaji termasuk Richmond & McCroskey (2000) dan Floyd (2009) juga telah menggunakan istilah yang berbeza mengenai KBL yang disatukan kepada sepuluh saluran KBL sebagai mana dalam jadual 1.0.

Jadual 1.0: Istilah Saluran KBL dalam Kajian

Bil	Istilah yang digunakan dalam kajian ini	Skop Kajian
1	Penampilan Fizikal	Berkenaan penampilan fizikal seseorang seperti pakaian
2	Kinesik	Berkenaan gerakan anggota badan seperti tangan dan kepala
3	Kronemik	Berkenaan penggunaan dan pengurusan masa
4	Haptik	Berkenaan sentuhan badan
5	Ekspresi wajah	Berkenaan ekspresi wajah yang diserlahkan
6	Okulesik	Berkenaan tenungan mata
7	Proskemik	Berkenaan jarak antara individu semasa berkomunikasi
8	Paralinguistik	Berkenaan variasi suara seperti suara tinggi dan rendah

9	Artifaktual	Berkenaan persekitaran dan susun atur perabot
10	Olfatik	Berkenaan bauan yang dipakai dan digunakan

Berdasarkan kepada definisi KBL, saluran komunikasi ini sangat sinonim dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebagai satu faktor yang dapat menjadikan pengajaran guru lebih berkesan kerana ia memberi impak yang sangat besar terhadap pembelajaran murid. Mengikut Al-Syahlub (2005) berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang ada kaitan dengan pengajaran, didapati Rasulullah SAW telah menggunakan KBL untuk memudahkan pengajaran baginda, di mana bertujuan menambah kejelasan dan menguatkan perkataan, menarik perhatian, menanamkan kefahaman dan meringkaskan penerangan dengan merujuk melalui menunjuk cara. Malah, Al-Syahub (2005) sekali lagi menyarankan agar guru memanfaatkan gerak geri badan untuk mewujudkan pengajaran berkesan. Stella Muchemwa (2013) menyatakan amalan KBL dalam pengajaran bukan sahaja meningkatkan daya tarikan guru ketika di dalam bilik darjah malah dapat membantu guru menguruskan bilik darjah. Kajian yang dilakukan oleh Nordin Halias (2016) pula mendapati guru Bahasa Arab yang menerapkan KBL dalam pengajaran dapat meningkatkan motivasi, minat dan pencapaian murid dalam pembelajaran.

Justeru, pengajaran Bahasa Arab juga memerlukan kualiti guru dalam melaksanakan proses PdPc yang berkesan. Keberkesanan pengajaran Bahasa Arab di dalam bilik darjah bergantung kepada beberapa faktor, namun faktor utamanya ialah pengajaran berpusat pada guru. Menurut Muhammed Barakat (1984), guru bahasa Arab adalah agen perhubungan yang paling penting dan dominan dalam interaksi bilik darjah. Beliau turut menegaskan bahawa selain menguasai ilmu, guru perlu menyampaikan isi pelajaran dengan bahasa yang boleh difahami golongan sasaran iaitu pelajar. Guru Bahasa Arab yang baik seharusnya memiliki banyak ciri antaranya ialah suara yang jelas, persediaan psikologi dan pengetahuan, perancangan pengajaran yang rapi, kreatif, bersemangat dan bijak membangkitkan motivasi, penampilan yang menarik dan sebagainya (Mohd Rosdi Ismail dan Mat Taib Pa, 2007). Bagi merealisasikan interaksi dua hala antara guru dan murid dalam Bahasa Arab, guru perlu menguasai kemahiran berkomunikasi yang dapat menarik perhatian dan merangsang minat pelajar (Noor Shamshinar, 2016). Hal ini kerana PdPc yang bermakna lazimnya akan melibatkan interaksi dua hala antara guru dan pelajar (Mohamad Ziyad Mukhtar dan Saini Ag. Damit, 2015), manakala keberkesanan sesebuah PdPc hanya dapat dicapai apabila pelajar sering berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya di dalam kelas dengan kawalan guru yang mengajar (Fosnot dalam Jefridin, 2010).

Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk meninjau amalan KBL dalam pengajaran guru Bahasa Arab ketika menyampaikan isi pelajaran kepada murid. Amalan KBL yang dilaksanakan dengan berkesan sudah pasti dapat menghidupkan suasana pembelajaran Bahasa Arab yang aktif dan memberangsangkan. Secara tidak langsung, murid akan mempunyai kesediaan untuk belajar dengan mengetahui perbendaharaan kata bahasa gurunya kerana interaksi dua hala ini akan membantu mereka memahami isi kandungan pelajaran dengan lebih jelas.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini mempunyai dua aspek perbincangan, iaitu:

1. Meninjau amalan KBL dalam pengajaran Bahasa Arab guru Bahasa Arab.
2. Mengenalpasti elemen KBL yang digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara kualitatif. Analisis data telah dilakukan dengan meneliti video rakaman Youtube berkaitan dengan amalan KBL dalam pengajaran Bahasa Arab oleh guru Bahasa Arab. Analisis data tersebut hanya memfokuskan kepada pengajaran guru yang melibatkan murid pada tahap 1 sahaja. Prosuder pengumpulan data bermula dengan menganalisis elemen KBL yang digunakan pada setiap langkah pengajaran bermula daripada guru memulakan pengajaran sehingga tamat pengajaran.

Responden Kajian

Responden kajian terdiri daripada 3 orang guru bahasa Arab daripada program Perguruan Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua yang sedang mengikuti latihan mengajar PRAKTIKUM di sekolah rendah. Responden kajian ini tidak mempunyai ciri-ciri tertentu kerana kajian ini hanya melihat sejauhmana amalan KBL dapat dilaksanakan dalam kalangan guru Bahasa Arab semasa sesi PdPc. Hanya pengalaman dan pengetahuan guru sepanjang tempoh latihan perguruan semasa di institusi pengajian diambilkira sebagai amalan KBL dalam PdPc.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Data kualitatif telah dianalisis untuk menjawab objektif kajian iaitu meninjau amalan KBL dalam pengajaran Bahasa Arab ketika pelaksanaan PdPc dalam bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan guru Bahasa Arab masih kurang mengamalkan kemahiran KBL ketika proses PdPc berlangsung. Elemen KBL seperti *kinesik*, *kronemik*, *haptik*, *ekspresi muka*, *okulesik*, *proksemik*, *paralinguistik*, *artifaktual* dan *olfatik* tidak dapat ditonjolkan dengan baik semasa menyampaikan isi pelajaran kepada murid. Dapatan kedua menunjukkan elemen KBL dari aspek penampilan fizikal guru dapat dilaksanakan dengan baik iaitu guru mengamalkan gaya penampilan diri yang menarik seperti pakaian yang sesuai dan tampak kemas.

Isu berkaitan amalan KBL dalam pengajaran Bahasa Arab ini telah dikenalpasti dan dianalisis semasa langkah permulaan pengajaran sehinggalah pada langkah pengajaran yang terakhir. Di antara catatan yang dilakukan terhadap amalan KBL guru adalah berdasarkan kepada jadual 2.0 berikut:

Jadual 2.0: Data Kajian

Bil	Elemen KBL	Catatan/ Komen Elemen KBL dalam pengajaran Guru Bahasa Arab		
		Youtube Guru A	Youtube Guru B	Youtube Guru C
1.	Penampilan Fizikal (Berknaan penampilan fizikal seseorang seperti pakaian)	“guru memperlihatkan penampilan fizikal yang tampak hebat dan bergaya”	”guru ada daya penarik..pakaian guru nampak ceria”	”guru memakai pakaian sukan tetapi kemas dan sesuai dengan rupa paras”

2.	Kinesik (Berkenaan gerakan anggota badan seperti tangan dan kepala)	<i>“gaya guru menerang terlalu statik..kaku..tiada pergerakan tangan atau anggota badan yang lain..”</i>	<i>“guru hanya berdiri di bahagian hadapan sahaja dan pandangan guru kurang kepada pelajar sebaliknya tertumpu pada buku teks di tangan”</i>	<i>“guru hanya memandang nota atau dialog ketika menerang..tunduk..kaku.”</i>
3.	Kronemik (Berkenaan penggunaan dan pengurusan masa)	<i>“set induksi terlalu lama, pelajar tidak faham apa yang disoal oleh guru”</i>	<i>“soalan yang disoal guru pada set induksi tak sesuai dengan tajuk..pelajar tak dapat meneka dengan tepat..guru ulang semula soalan yang sama walaupun soalan tersebut pelajar tidak tahu”</i>	<i>“ada pelajar dapat meneka tajuk dengan betul tapi guru tidak mendengar jawapan tersebut..”</i>
4.	Haptik (Berkenaan sentuhan badan)	<i>“guru sepatutnya membimbing pelajar yang lemah..mendekati dan membantu pelajar menjawab soalan yang diberi dengan betul..bukan membiarkan mereka..”</i>	<i>“tiada langsung kemesraan antara guru dengan pelajar semasa mengajar..guru terikat dengan dialog..”</i>	<i>“guru tidak memberi kata-kata semangat kepada murid lemah atau menepuk tangan untuk galakan kepada jawapan yang betul..”</i>
5.	Ekspresi wajah (Berkenaan ekspresi wajah yang diserlahkan)	<i>“guru sepatutnya memberi senyuman ketika memasuki kelas atau ketika memulakan kelas”</i>	<i>“senyuman jarang dilemparkan oleh guru sebagai tanda setuju dengan jawapan murid..”</i>	<i>“guru menunjukkan muka garang yang tidak disenangi kepada sebilangan murid yang tidak memberi perhatian..”</i>
6.	Okulesik (Berkenaan tenungan mata)	<i>“Mata guru kurang memandang murid ketika menyebut perkataan yang diajar”</i>	<i>“Guru kerap membelakangi murid ketika mengajar”</i>	<i>“Mata guru kurang memandang murid ketika menerang, malah lebih tertumpu kepada papan putih”</i>
7.	Proskemik	<i>“guru tidak</i>	<i>“pergerakan anggota</i>	<i>“guru hanya berada di</i>

	(Berkenaan jarak Antara individu semasa berkomunikasi)	<i>memastikan sama ada murid membawa buku atau tidak pada hari ini”</i>	<i>badan kurang, guru tidak meninjau murid ketika aktiviti berkumpul..terdapat kumpulan yang tidak memahami aktiviti yang guru arahkan..”</i>	<i>bahagian hadapan saja, tiada pergerakan guru seperti ke belakang atau kanan ke kiri..”</i>
8.	Paralinguistik (Berkenaan variasi suara seperti suara tinggi dan rendah)	<i>“guru kerap menyebut perkataan yang kurang jelas...”</i>	<i>“suara guru mendatar... tiada nada dan intonasi yang sesuai”</i>	<i>“ada pelajar yang kelihatan bosan... tiada tarikan pada suara guru”</i>
9.	Artifaktual (Berkenaan persekitaran dan susun atur perabot)	-	-	-
10.	Olfatik (Berkenaan bau yang dipakai dan digunakan)	-	-	-

5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini telah meninjau amalan KBL guru Bahasa Arab dalam pelaksanaan pengajaran Bahasa Arab sepanjang proses PdPc dalam bilik darjah. Hasil analisis rakaman video pengajaran Bahasa Arab menunjukkan bahawa amalan KBL guru Bahasa Arab ketika mengendalikan sesi PdPc masih kurang dipraktikkan dengan baik. Catatan pada jadual 2.0 mendedahkan tentang kurangnya amalan KBL dalam pengajaran guru. Guru masih cenderung kepada cara penyampaian satu hala tanpa mengambilkira penglibatan murid dan kesediaan murid terhadap proses pembelajaran.

Dalam usaha untuk menjadikan Bahasa Arab sebagai tarikan dan minat murid dalam proses pembelajaran, guru Bahasa Arab perlu sedar tentang kepentingan amalan KBL dalam pengajaran mereka. Amalan KBL yang berkesan dan berterusan memberi kesan optimum kepada pembelajaran murid seperti murid memberi fokus dan minat dalam semua aktiviti yang dijalankan dalam bilik darjah. Nordin Halias (2016) menyatakan pengajaran bahasa asing seperti Bahasa Arab memerlukan kemahiran KBL supaya pembelajaran Bahasa Arab menjadi lebih seronok dan menarik minat pelajar terhadap bahasa tersebut. Dapatan kajian beliau telah menunjukkan bahawa KBL berjaya meningkatkan minat, motivasi dan pencapaian dalam Bahasa Arab.

Amalan KBL dalam pengajaran Bahasa Arab sangat bertepatan dengan bahasa sasaran tersebut. Guru perlu mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan ketika mengendalikan sesi PdPc. Sebagai contoh, apabila guru berkomunikasi, dia bukan sahaja mencari perkataan yang tepat untuk menyampaikan makna tetapi boleh menggabungkan elemen-elemen lain seperti intonasi, pertembungan mata (*eye-contact*) dan pergerakan tubuh bagi memberikan kesan maksimum semasa proses PdPc. Selain itu, guru yang mempunyai kemahiran berkomunikasi dapat mengesan dan memahami tingkah laku murid melalui tindak

balas bukan lisan serta menjadi interaksi yang berlaku sepanjang proses PdPc di dalam bilik darjah (Kauffman, Mostert, Trent dan Hallahan, 1998).

Proses PdPc Bahasa Arab akan menjadi lebih berkesan dan bermakna sekiranya guru dapat mengamalkan KBL secara konsisten semasa dalam bilik darjah. Amalan KBL secara langsung ini dapat membuka ruang kepada guru dan murid untuk berinteraksi antara satu sama lain dengan lebih yakin dan menyeronokkan. Malah, KBL dapat mewujudkan hubungan yang positif dan menimbulkan kemesraan antara guru dengan murid sehingga dapat melenyapkan persepsi tentang kesukaran menguasai dan memahami Bahasa Arab. Nordin Halias, Zawawi dan Harun (2017) telah menegaskan bahawa komunikasi guru menjadi lebih berkesan jika satu set kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan dapat digabungkan bersama. Gandingan dua kemahiran komunikasi perlu kerana dalam komunikasi bersemuka, tarikan komunikasi lisan hanyalah melibatkan 20% daripada perkataan, manakala 80% lagi komunikasi lebih memanfaatkan gerakan muka, mata, badan, jarak, penampilan, bau, dan nada suara.

Kesimpulannya, proses PdPc Bahasa Arab dapat dilaksanakan dengan berkesan sekiranya guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran berkomunikasi semasa menyampaikan isi pelajaran. Ilmu berkaitan KBL perlu diberi pendedahan khusus kepada guru Bahasa Arab sebagai salah satu strategi pengajaran. Amalan KBL yang dilaksanakan dalam bilik darjah sudah pasti memberi impak yang sangat besar kepada keupayaan guru dalam melaksanakan pengajaran Bahasa Arab sekaligus merangsang minat murid terhadap proses pembelajaran bahasa tersebut.

6.0 IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN

Seorang guru yang bertanggungjawab mengendalikan pengajaran Bahasa Arab perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai KBL supaya keistimewaan Bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran dan kelebihan KBL dapat disampaikan dengan berkesan dalam bilik darjah. Mereka juga diharapkan dapat menyahut hasrat Kementerian bagi memenuhi objektif pembelajaran Bahasa Arab (KPM, 2010) untuk murid peringkat rendah iaitu membolehkan murid: (1) mendengar bunyi huruf, perkataan, frasa dan teks, (2) menyebut huruf dan perkataan dengan betul, (3) bertutur dalam pelbagai situasi, (4) membaca perkataan, frasa, teks dengan betul, (5) mengaplikasi asas tatabahasa Bahasa Arab dalam pertuturan dan penulisan, (6) menghafaz kata-kata hikmat dan peribahasa terpilih dan memperdengarkannya dan (7) menggunakan Bahasa Arab standard dalam pertuturan dan penulisan, maka guru perlu mempunyai kemahiran dan teknik mengajar yang dapat mencapai objektif tersebut.

Menurut Muhammed Barakat (1984), guru Bahasa Arab adalah agen perhubungan yang paling penting dan dominan dalam interaksi bilik darjah. Interaksi yang dapat memberi impak kepada pembelajaran murid merupakan syarat utama dalam menunaikan tanggungjawab sebagai seorang guru. Interaksi dua hala ini akan membantu murid memahami isi kandungan pelajaran yang disampaikan oleh guru. Bagi merealisasikan kejayaan interaksi dua hala antara guru dan murid dalam PdPc Bahasa Arab, guru perlu memupuk minat murid terhadap pembelajaran bahasa Arab terlebih dahulu. Minat ini perlu dimulakan semenjak awal persekolahan mereka lagi. Hal ini memandangkan daya pemikiran murid pada usia ini mudah menerima apa sahaja input yang mereka perolehi melalui aktiviti pembelajaran. Sikap murid yang ingin mengetahui sesuatu perkara juga dapat menambahkan lagi kefahaman dan penerimaan mereka terhadap sesuatu yang dipelajari daripada guru. Oleh itu, hubungan guru dengan murid sangat penting dalam proses pembelajaran murid. Mohamad Ziyad Mukhtar dan Saini Ag.Damit (2015) menyatakan keberhasilan murid dalam mencapai objektif mata pelajaran Bahasa Arab khususnya di sekolah rendah adalah

bergantung kepada kepakaran guru dalam menggunakan komunikasi dan interaksi lisan dalam bilik darjah yang berkesan.

Dalam hal lain, dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa amalan KBL merupakan suatu perkara penting bagi menjayakan proses komunikasi dan menjamin PdPc Bahasa Arab yang berkesan. Guru sebagai komunikator dalam proses pengajaran sewajarnya mempelajari dan melatih kemahiran komunikasi secara bukan lisan. Kemahiran KBL sebenarnya boleh dikuasai dengan cara belajar, latihan dan peniruan (Nordin Halias et al, 2017). Bagi institusi pendidikan yang menawarkan program perguruan perlu mewujudkan satu kursus spesifik tentang KBL dan perlu dikendalikan terhadap guru pelatih semasa mengikuti program perguruan. Pendedahan tentang amalan KBL dalam pengajaran Bahasa Arab akan memudahkan guru pelatih mempraktikkan kemahiran KBL yang dipelajari semasa latihan perguruan dalam tugas pengajaran harian di sekolah. Usaha ini dilihat sebagai satu wadah yang memberi impak positif dan sumbangan yang signifikan dalam melengkapkan guru pelatih Bahasa Arab dengan pengetahuan dan pengalaman autentik yang tidak dapat diperoleh dalam buku. Pengetahuan dan kemahiran KBL ini memberi kekuatan kepada guru pelatih untuk bersedia sebelum berkhidmat di sekolah. Selain itu, dapatan kajian memberi implikasi bahawa amalan KBL perlu dikuasai oleh guru Bahasa Arab semasa pelaksanaan pengajaran dalam bilik darjah bagi menghasilkan pengajaran Bahasa Arab yang berkesan. Kompetensi guru dalam pengajaran Bahasa Arab dapat dipertingkatkan dan memberi implikasi positif kepada minat dan pencapaian murid dalam Bahasa Arab. Justeru, adalah dicadangkan bahawa satu kursus spesifik tentang KBL perlu dikendalikan terhadap guru dalam program pendidikan guru atau LADAP bagi menghadapi cabaran dalam pengajaran Bahasa Arab.

7.0 PENUTUP

Pengetahuan tentang kemahiran dan amalan KBL sebenarnya mampu memberi impak kepada aktiviti pengajaran dalam bilik darjah. Dalam pengajaran Bahasa Arab, kemahiran KBL ini merupakan satu strategi untuk menilai tahap kefahaman murid dan menarik minat murid terhadap bahasa tersebut. Amalan KBL perlu dijadikan amalan berterusan semasa melaksanakan pengajaran Bahasa Arab dalam menghasilkan kejayaan dan keberkesanan komunikasi guru dalam aktiviti pengajaran bahasa tersebut. Amalan KBL dianggap sebagai pelengkap kepada komunikasi lisan yang boleh menjadikan pengajaran guru lebih efektif. Kemahiran ini membantu melicinkan dan memudahkan aktiviti komunikasi dalam proses pengajaran guru. Dengan itu, apabila seseorang guru itu ingin menjadikan pengajarannya berkesan, salah satu kemahiran yang mesti ada pada diri guru itu ialah kemahiran KBL. Guru bukan sahaja berjaya dalam melaksanakan aktiviti PdPc malah dapat memajukan diri ke arah menjana transformasi dalam pendidikan Bahasa Arab yang diharap-harapkan oleh negara kita.

8.0 RUJUKAN

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1999). *Komunikasi Untuk Guru*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Arini, A.B.A.B.S.A.A. (2011). *Mada Tawafur Maharat Al-Ittisal Ghair Al-Lafziah Lada Hai'ati Al-Tadris Fi Kulliyati Al-Ulum Bi Jaamiati Al-Qasim Min Wajhati Nazari Al-Talabah*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Denmark: Akademi Pengajian Arab: Denmark.

- Al-Syalhub, - Fuad Bin Abdul Aziz.(2005). Mengajar EQ Cara Nabi: Konsep Belajar Mengajar Cara Rasulullah. (Terjemahan Ikhwan Fauzi, Ed.). Bandung: MQS Publishing.
- Floyd, K. (2009). *Interpersonal Communication* (2nd ed.). New York: Mc Graw Hill Inc.
- Kauffman, J.M., Mostert, M.P., Trent, S.C. dan Hallahan, D.P. (1998). *Managing Classroom Behavior : A Reflective case-based Approach* (2nd ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap Satu Mulai 2011*. Putrajaya.
- Kendon, A. (1981). *Nonverbal Communication: Interaction and Gesture*. The Hague: Mouton Publisher.
- McCroskey, J. C., & Richmond, V. P. (2000). *Nonverbal Behavior In Interpersonal Relations* (4th ed.) BOSTON: Allyn & Bacon.
- Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. (2007). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Muhamad Ziyad Mukhtar dan Saini Ag. Damit. (2015). *Amalan Penggunaan Lughat Al-Fasl Dalam Kalangan Guru Pelatih J-QAF*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL2015). IPG Pendidikan Islam: Bangi
- Muhammed Barakat Hamdi Abu Ali. (1984). *Manahij Wa Ara' Fi Lughat al-Quran*. Amman: Darul Fikr
- Mushir Ahmad. (2016). *Amalan Pengajaran Berkesan Guru Bahasa Arab di Pahang*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. UM
- Noor Shamshinar Zakaria. (2016). *Cabaran Guru Bukan Opsyen Dalam Pengajaran Bahasa Arab : Satu Kajian Terhadap Guru Pendidikan Islam Di Beberapa Sekolah Rendah Agama Di Daerah Hulu Langat Selangor*. Monograf. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nordin Halias. (2016). *Komunikasi Nonverbal dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan. UM
- Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin. (2017). *Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab*. UKM, Bangi Selangor
- Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang. (2014). *Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Ipta Di Utara Semenanjung Malaysia* 4T(Communication Skill among Undergraduate Students of Education in Northern Malaysia), *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, ISSN: 2180-4842. Vol. 4, Bil. 2 (Nov. 2014): 44-56.
- Stella Muchemwa. (2013). *Use of Nonverbal Communication in the Classroom as a Way of Enhancing Classroom Teaching: A Case Study of Solusi High School, Zimbabwe*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 103 (2013) 1279 – 1287. 13th International Educational Technology Conference.